



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **KEPENTINGAN PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR DI SABAH: SATU KAJIAN AWAL**

### ***THE IMPORTANCE OF MORAL EDUCATION AMONG PUPILS IN SABAH: A PRELIMINARY STUDY***

Roznaineh Asneh Otinin<sup>1</sup>, Musaiyadah Ahmadun<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Kampus Shah Alam 40450, Shah Alam, Selangor  
Email: 2024565727@student.uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, 88997, Kota Kinabalu  
Sabah  
Email: musaiyadah@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

##### **To cite this document:**

Otinin, R. A., & Ahmadun, M. (2024). Kepentingan Pendidikan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Di Sabah : Satu Kajian Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 463-473.

**DOI:** 10.35631/IJEP.954034

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



#### **Abstrak:**

Pendidikan akhlak merupakan salah satu cabang ilmu yang sangat penting dalam pembentukan jati diri murid yang unggul. Pendidikan akhlak yang mantap di sesebuah institusi dilihat mampu membantu menangani masalah gejala sosial dalam kalangan pelajar. Pelbagai pendekatan yang telah dilakukan dalam usaha membendung masalah gejala sosial daripada terus menular, antaranya pengenalan terhadap pendidikan akhlak di sekolah. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kepentingan akhlak dalam kalangan pelajar di Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif, menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan atau sumber ilmiah yang berkaitan dengan fokus kajian. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal, buku dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral yang dianalisis secara tematik untuk mengkaji kepentingan akhlak dalam kalangan murid di Sabah. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa kepentingan pendidikan akhlak dalam kehidupan seharian seperti (i) membentuk jati diri pelajar yang unggul, (ii) melahirkan pelajar yang beradab dan berbudi bahasa, (iii) membentuk semangat persaudaraan sesama pelajar dan (iv) membentuk kesedaran pelajar terhadap kehidupan sosial. Dapat dirumuskan bahawa pendidikan akhlak mampu menerapkan nilai agama Islam dalam diri manusia ke arah membentuk keperibadian insan soleh yang mementingkan kepercayaan dan ketaatan kepada Allah SWT secara mutlak. Kajian ini boleh dijadikan rujukan terutamanya bagi KPM, guru dan juga ibu bapa dalam memperkemaskan penerapan nilai Pendidikan Islam supaya matlamat menghasilkan manusia yang beriman dapat dicapai.

<p><b>Kata Kunci:</b></p> <p>Kepentingan, Pendidikan Akhlak, Pelajar, Sabah</p> <p><b>Abstract:</b></p> <p>Moral education is one of the branches of knowledge that is very important in the formation of a superior pupils identity. Strong moral education in an institution is seen to be able to help dealing with the problem of social issues among students. Various approaches have been carried out in an efforts to handle the social issues from continuously spread, for instance the introduction of moral education in schools. Therefore, this research was implemented to study the importance of morals among the pupils in Sabah. This is a qualitative study, using bibliographic methods by referring the materials or scientific resources related to the focus of the study. The documents that were analyzed consisted of journals, books and review of articles related to the formation of morals and ethics which were analyzed thematically to study the importance of morals among students in Sabah. This study found that there are several importance of moral education in daily life such as (i) forming a superior pupils identity, (ii) to build civilized and polite pupils, (iii) forming a spirit of brotherhood among pupils and (iv) forming pupils' awareness of social life. It can be concluded that moral education is able to apply the values of Islam in human beings towards forming the personality of a good believer person who places absolute importance on trust and obedience to Allah SWT. This study can be used as a reference to MoE, teachers and also parents in streamlining the application of Islamic Education values so that the goal can produce an excellent people.</p> <p><b>Keywords:</b></p> <p>Importance, Moral Education, Pupils, Sabah</p>	
--	--

## Pengenalan

Akhlak menurut Yusuf al-Qardawi (2012), adalah salah satu ciri dalam membentuk sistem kemasyarakatan yang berlandaskan agama Islam dengan menekankan konsep *amar maaruf* dan *nahi mungkar* dalam kehidupan sehari-hari. Akhlak yang positif tidak akan berjaya dibentuk sekiranya pegangan pada agama tidak utuh. Suhid, A. (2017) menyatakan pendidikan akhlak dalam ajaran Islam adalah penting sehingga agama Islam itu sendiri dikenali sebagai *ad-Deen* atau *way of life*. Selari dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Nawawi, Nabi Muhammad SAW bersabda: “Asas agama Islam itu memberi nasihat” yakni menasihati perkara yang baik dan perkara kemungkaran. Justeru itu, pendidikan akhlak adalah perkara yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat terutamanya bagi pelajar-pelajar yang berada di sekolah kerana umat Islam adalah duta kepada agama Islam (Zamihan, 2021).

Pendidikan akhlak dilihat sebagai satu perkara yang sangat penting terutamanya dalam membina generasi muda di sekolah. Daripada kajian-kajian yang lalu menunjukkan bahawasanya pendidikan akhlak telah banyak dijalankan kajian-kajian mengenainya di sekolah (Ab Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail (2021), Ramandha Rudwi Hantoro (2021), Hasbullah Mat Daud et al. (2020), Didik Efendi (2019), Wan Yusnee Binti Abdullah et al., (2017), Zainol Abidin Ishak et al. (2017), Rohana Tan dan Norhasni Zainal Abidin. (2014).)

Sekolah-sekolah di Malaysia telah menerapkan pendidikan akhlak sejak dahulu lagi namun begitu secara umum sahaja.

Walaupun begitu, pelbagai program yang berunsurkan akhlak banyak dilakukan di sekolah bagi memenuhi keperluan pendidikan akhlak, seperti contoh pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu program yang signifikan dan memenuhi keperluan murid dalam membentuk jati diri yang jitu berkonsepkan aktiviti bermodul dan penilaian sepanjang persekolahan di peringkat menengah. Program ini mempunyai hubungan dengan sahsiah diri murid seperti bijak mengawal emosi, keterlibatan yang aktif dalam pelbagai aktiviti dan kemampuan untuk mempertahankan diri (Nor Anisa. et al, 2022). Melalui program yang dijalankan di sekolah dapat dibuktikan bahawa KPM sangat mementingkan pendidikan akhlak di sekolah-sekolah.

Namun begitu, jika kita lihat situasi atau budaya yang ada di Sabah, mempunyai perbezaan yang signifikan dengan semenanjung Malaysia. Tidak bermaksud pendidikan akhlak ini tidak diterapkan di sekolah-sekolah sekitar Sabah, tetapi disebabkan Sabah mempunyai berbagai-bagai suku kaum, etnik, bangsa, bahasa dan agama menjadikan pendidikan akhlak sukar untuk diterapkan secara holistik. Meskipun begitu, walaupun pendidikan akhlak telah diterapkan tetapi dapat dilihat bahawa masih terdapat kelompongan yang berlaku dan boleh dibaiki kerana dari semasa ke semasa cabaran tenaga pengajar dan pelajar pada masa kini semakin besar berkaitan konsep akhlak. Buktinya, apabila akhbar-akhbar tempatan sering mengetengahkan kes-kes disiplin di sekolah seperti vape, buli dan gangguan seksual masih belum mampu diatasi dengan sepenuhnya (Utusan Malaysia. (1 November 2023), Sinar Harian. (6 Julai 2023), astro AWANI. (17 Jun 2023).

Walau bagaimanapun, penerapan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar merupakan satu kepentingan dan keperluan. Pendidikan akhlak penting kerana ia akan membantu mencorak personaliti diri individu dan membentuk insan yang berguna tidak hanya kepada diri sendiri dan keluarga, namun menjadi manusia yang bermanfaat kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara. Apabila pendidikan akhlak berjaya diterapkan dalam diri manusia, maka akan membentuk insan yang seimbang secara holistik merangkumi aspek akhlak, akidah, sahsiah dan menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT secara mutlak tanpa keraguan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis kepentingan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar di Sabah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif, menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan atau sumber ilmiah yang berkaitan dengan fokus kajian. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal, buku dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan akhlak dan moral yang dianalisis secara tematik untuk mengkaji kepentingan akhlak dalam kalangan murid. Data yang dikumpul akan dianalisis secara deskriptif bagi menyesuaikan pendekatan tersebut dalam menangani isu-isu yang berkait dengan akhlak dalam kalangan pelajar.

### **Dapatkan dan Perbincangan**

Dapatkan dan perbincangan pada bahagian ini membincangkan mengenai kepentingan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat kepentingan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar antaranya:

### **Membentuk Jati Diri Pelajar Yang Unggul**

Secara amnya, jati diri didefinisikan sebagai satu bentuk yang menggambarkan sifat atau ciri yang unik dan istimewa merangkumi aspek intelek, emosi dan sahsiah yang menjadi teras dalam pembentukan sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu yang boleh dilihat melalui adat dan bahasa (Ahmad Zahiruddin & Wan Nasryuddin, 2021). Menurut Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz (2020), jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya.

Menurut Ahmad Jafri Bahar & Fariza Md. Sham, (2022) keteguhan jati diri generasi muda pada akhir-akhir ini sering membimbangkan masyarakat apabila negara sering digemparkan dengan pelbagai cerita berkaitan dengan masalah sosial. Perkara ini amat membimbangkan adalah kerana generasi muda merupakan harapan bangsa yang akan menerajui negara pada masa hadapan, tanpa akhlak hancurlah sesebuah kehidupan dan runtuhalah sebuah tamadun. Sifat anak muda yang ingin mencuba sesuatu yang baru, gemar meneroka dan mudah terikut-ikut menyebabkan banyak pihak sering mempertikaikan sistem pendidikan negara. Jati diri mempunyai perkaitan terhadap akhlak dan maruah diri, masyarakat dan negara (Absha Atiah Abu Bakar & Mohd Isa Hamzah, 2019).

Falsafah Pendidikan Islam menetapkan matlamat pengenalan pendidikan akhlak khususnya dalam subjek Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan golongan manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT dan mempunyai keseimbangan secara holistik dari aspek rohani, emosi, jasmani dan intelek dalam usaha melahirkan insan yang berketerampilan, berdaya saing yang tinggi, berakh�ak mulia, berilmu pengetahuan serta mempunyai jati diri yang unggul (Maimun Aqsha Lubis et al, 2021). Penghayatan terhadap pendidikan akhlak mampu membangunkan modal insan yang bersepada kerana dalam kehidupan bermasyarakat, pendidikan yang bertunjangkan amalan nilai murni mampu melahirkan model insan yang beretika dan berbudi pekerti yang tinggi (Dzulkifli & Suhid, 2018). Melalui pendidikan, manusia akan memperoleh pelbagai kelebihan seperti mempunyai ilmu pengetahuan yang baik dan memiliki ketinggian akhlak yang mantap.

Pembentukan jati diri yang unggul memerlukan pelbagai metode dan pendekatan yang terbaik sama ada melalui pendidikan secara langsung maupun pelaksanaan melalui program dalam usaha memastikan murid mampu memahami, menganalisis dan mengamalkan ilmu yang dipelajari melalui pendidikan akhlak. Antara program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membantu membentuk jati diri murid yang berwibawa ialah pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR). Program SUMUR merupakan satu program yang signifikan dan memenuhi keperluan murid dalam membentuk jati diri yang jitu berkonsepkan aktiviti bermodul dan penilaian sepanjang persekolahan di peringkat menengah. Program ini mempunyai hubungan dengan sahsiah murid seperti bijak mengawal emosi, keterlibatan dan kemampuan untuk mempertahankan diri (Nor Anisa et al, 2022).

Justeru itu, pendidikan akhlak yang diperkenalkan mampu membantu membina dan membentuk jati diri murid yang unggul dan berwibawa. Kerana dengan ilmu, murid dapat mengetahui dan mempelajari bahawa setiap tindakan dan ucapan yang dilafazkan akan menggambarkan personaliti diri individu dan pastinya agama Islam akan dipandang tinggi oleh penganut agama lain dengan akhlak baik yang dipersembahkan.

### **Melahirkan Pelajar Yang Beradab Dan Berbudi Bahasa.**

Secara umumnya, dalam kehidupan seharian, manusia menggunakan lisan sebagai medium untuk berbual, menyatakan hasrat dan keinginan hati, meluahkan fikiran, menyampaikan maklumat serta menyampaikan ilmu pengetahuan (Zulkeflee Yaacob, 2020). Bahasa menggambarkan tingkah laku, sikap, budaya, personaliti, tamadun dan peradaban sesuatu bangsa. Wan Siti Fatimatul Akmal & Suhaila Zailani (2019) menyatakan kesantunan berbahasa sebagai penggunaan laras bahasa yang baik, sopan dan beradab membantu menonjolkan peribadi yang mulia dalam kehidupan seharian serta mengelakkan timbulnya sebarang masalah seperti kemarahan, kegusaran dan rasa tidak puas hati bagi pendengar ucapan yang dilafazkan.

Daripada kajian yang dijalankan oleh Siti Norliana Ghazali et al., (2023), menjelaskan bahawa pada dasarnya, suatu ucapan yang menggunakan santun berbahasa merupakan suatu bentuk usaha dalam berinteraksi secara positif sesama manusia. Amalan berbudi bahasa dalam berkomunikasi dapat membentuk kemesraan secara tidak langsung dan mewujudkan perasaan senang dengan orang yang mendengarnya. Dengan amalan berbudi bahasa yang diterapkan semasa berkomunikasi ditambah dengan ujaran bahasa yang berlapik maka dapat menggambarkan tahap kesantunan dalam diri individu serta mewujudkan perasaan senang kepada pendengar.

Islam merupakan agama yang mendidik pengikutnya bukan hanya menjaga perlakuan dalam seharian dengan akhlak mahmudah namun juga menekankan adab yang baik semasa berkomunikasi dalam kehidupan seharian (Wan Siti Fatimatul Akmal & Suhaila Zailani, 2019). Amalan berbudi bahasa tidak hanya seharusnya diterapkan semasa bersemuka sahaja, namun dalam dunia maya seperti semasa menggunakan aplikasi *Whatsapp*, *Instagram*, *X*, *Facebook* dan sistem aplikasi yang lain wajar menggunakan ujaran yang bersopan santun agar kita tidak sewenang-wenangnya menyakit hati orang lain. Kecanggihan teknologi semasa menjadi antara faktor mengapa amalan berbudi bahasa semakin dipinggirkan dalam kehidupan seharian khususnya golongan belia (Romlah Ramli, 2019). Walaupun individu lain tidak mampu melihat diri kita secara bersemuka, namun dengan laras bahasa yang digunakan kita dapat menilai diri seseorang secara awalan.

Menurut Jamilah Ahmad (2016), budi bahasa merupakan lambang keperibadian dan sahsiah diri seseorang. Namun sayang sekali apabila elemen berbudi bahasa tidak lagi dilihat sebagai perkara utama dalam menyempurnakan akhlak seseorang. Buktinya apabila terdapat banyak kes percaduhan yang berlaku akibat daripada perang mulut. Seperti kes yang dilaporkan oleh astro AWANI pada 17 Jun 2023, apabila seramai enam orang remaja telah ditahan polis kerana bergaduh berpunca dari perang mulut. Perkara ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu yang sering diuar-uarkan dan acap kali digunakan iaitu kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa bagi menggambarkan situasi apabila terlanjur bicara atau percakapan kasar yang mengundang musibah diri sendiri.

Justeru itu, disebabkan isu seperti di atas, amatlah wajar pendidikan akhlak diterapkan secara holistik dan konsisten kepada para murid di sekolah agar murid dapat mengetahui dan mempelajari cara berkomunikasi yang berkesan dari segi penggunaan istilah yang baik dan menarik, penggunaan laras bahasa yang sesuai serta tidak menyakiti hati orang lain di sekeliling. Pendidikan akhlak yang berkesan akan membentuk keperibadian murid yang unggul dengan adab yang mantap dan sentiasa menjaga tutur kata agar tidak menyakiti hati orang lain.

### ***Membentuk Semangat Persaudaraan Sesama Pelajar.***

Agama Islam merupakan sebuah agama yang mementingkan semangat persaudaraan yang berteraskan akidah Islam (Wan Syatirah Wan Shahrudin & Zulianan Zubir, 2020). Dalam kehidupan seharian, manusia tidak hanya dituntut untuk menjaga hubungan dengan sang pencipta semata-mata dengan mengikuti segala suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya, namun konsep *Hablu Minannas* ataupun hubungan sesama manusia juga merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian dengan menjaga hubungan yang baik dengan individu atau kelompok manusia yang lain (Firman Shakti Firdaus, 2018). Menurut Aishah Mardhiah Binti Hamad. et al.(2023), persaudaraan atau juga dikenali sebagai *ukhwah* dalam bahasa Arab merujuk kepada hubungan persaudaraan sesama manusia yang dijalin dengan perasaan kasih, sayang dan cinta yang didasari oleh akidah dalam bentuk persahabatan. Manusia tidak mampu hidup tanpa semangat persaudaraan kerana dalam keadaan kesusahan dan kesulitan pastinya manusia memerlukan bantuan insan lain untuk membantu mengatasi ujian yang dihadapinya.

Semangat persaudaraan sesama pelajar wajar dipupuk dan disemai dalam jiwa setiap murid kerana Allah SWT menjadikan manusia adalah untuk memupuk *ukhwah* dan kesatuan umat Islam yang harmoni (Aishah Mardhiah Binti Hamad. et al., 2023). Selain itu, semangat persaudaraan yang diterapkan melalui pendidikan akhlak mampu mendidik jiwa murid agar sentiasa mengamalkan nilai positif dalam diri seperti saling membantu, saling melengkapi, saling menyayangi, hormat menghormati, percaya mempercayai, sentiasa bertolak ansur dalam pelbagai situasi dan tidak mementingkan diri sendiri semata-mata demi kepentingan peribadi. Mastura Binti Mohd Zain (2016), turut menjelaskan antara kepentingan semangat persaudaraan sesama Islam ialah mampu mengeratkan hubungan persaudaraan, membentuk sikap bersatu padu dan tidak mudah berpecah belah dan mampu menegakkan serta menjadikan Islam sebagai sebuah agama yang digeruni dan dihormati oleh penganut agama lain.

Tuntasnya, jelaslah bahawa pendidikan akhlak merupakan sebuah sistem kurikulum yang sangat penting dan perlu diajarkan di semua sekolah kerana, melalui pendidikan akhlak, guru dapat mendidik murid cara membentuk semangat persaudaraan yang baik berlandaskan tuntutan Islam dengan merujuk al-Quran dan al-Sunnah serta membina persekitaran yang positif dan menyenangkan. Tambahan pula, melalui pendidikan akhlak juga mampu melahirkan golongan manusia yang seimbang dari segi perkembangan emosi, moral dan spiritual di kelas agar murid mampu mencapai kejayaan di dunia dan akhirat serta menghindari masalah sosial (Hasbullah Mat Daud, et al., 2020).

### ***Membentuk Kesedaran Pelajar Terhadap Kehidupan Sosial.***

Menurut Yong Hie Hie. et al., (2018) dalam sebuah institusi pendidikan, peranan guru sebagai agen sosialisasi yang berupaya membentuk perpaduan kaum di sekolah mempunyai peranan yang amat penting kerana guru mempunyai autoriti yang mampu memberikan impak yang positif dalam menyatupadukan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dengan kemampuan yang ada ini, para pendidik dapat mendidik dan membimbing murid agar menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan membentuk sikap toleransi yang tinggi dalam diri mereka (Yong Hie Hie. et al., (2018). Antara peranan guru dalam membentuk murid yang mempunyai kesedaran terhadap kehidupan sosial yang positif adalah guru perlu menjadi suri teladan kepada murid, membina jalinan hubungan yang akrab agar guru mudah didekati dan membentuk adab dan rasa cinta dalam mendalami ilmu pengetahuan dalam diri murid (Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin, 2021).

Ini selaras dengan matlamat pembentukan sekolah iaitu bagi menyatupadukan dan mengintegrasikan murid daripada pelbagai budaya dan bangsa agar mereka saling menghormati dan menerima kepelbagaian yang wujud (Saporito & Riper 2016). Guru berperanan dalam meminimumkan konflik yang berlaku di sekolah dengan mendidik murid sikap kerjasama, toleransi dan mengajar murid untuk sentiasa menghormati norma dan budaya masyarakat lain dengan merancang aktiviti berkumpulan yang menggabungkan pelbagai etnik (Asmiath et al, 2024). Dengan usaha ini, negara mampu menghakis dan mengubah stigma sosial, stereotaip kaum dan prasangka negatif dalam diri murid yang sering diuar-uarkan seperti orang kaum Melayu malas, Cina tamak dan India pemabuk yang disebabkan percanggahan antara komuniti dengan tradisi budaya yang berbeza secara jelas (astro AWANI, 2014).

Pendidikan akhlak yang diperkenalkan di sekolah merupakan satu sistem pembelajaran yang sempurna dan sangat bersesuaian dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap kehidupan sosial (Hasbullah Mat Daud. et al., (2020). Hal ini kerana, dalam pendidikan akhlak, murid diajar untuk menghormati individu lain walaupun mempunyai perbezaan dari sudut bahasa, agama, bangsa dan budaya. Bahkan, Islam itu sendiri tidak menentang kepelbagaian budaya malah ajaran Islam seiring dengan konsep kepelbagaian budaya kerana kepelbagaian merupakan sebuah perkara yang indah dan boleh membawa manfaat kepada umat Islam (Noraini. et al., 2014). Selain itu, pendidikan akhlak mampu membentuk dan memperkenalkan konsep taaruf (saling mengenal) dengan lebih baik dan mendalam kerana mendidik sikap saling bekerjasama, saling memanfaatkan, saling memperkaya dan saling memperkasa serta mengikis dan melenyapkan sikap saling menjatuhkan dan iri hati terhadap bangsa lain agar hidup dalam keadaan aman, damai dan harmoni (Rosidatun Munawaroh, 2018).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pendidikan akhlak merupakan satu sistem pendidikan yang mampu membantu memberi kesedaran terhadap kehidupan sosial kepada pelajar dan mendidik murid untuk saling menghormati kepelbagaian di persekitaran mereka. Tambahan pula, pendidikan yang berkualiti mampu membentuk insan yang terdidik dan berupaya menjadikan negara kita sentiasa dalam keadaan sejahtera dan harmoni kerana rakyatnya yang hidup dalam keadaan aman dan sentosa.

## Kesimpulan

Akhlik merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Tidak dapat disangkal lagi, manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT pastinya mereka yang memiliki akhlak yang terpuji. Justeru itu, daripada perbincangan di atas dapat kita lihat bahawa terdapat empat kepentingan penerapan pendidikan akhlak di sekolah iaitu, pertama membentuk jati diri pelajar yang unggul, kedua melahirkan pelajar yang beradab dan berbudi bahasa, ketiga membentuk semangat persaudaraan sesama pelajar dan yang terakhir dapat membentuk kesedaran pelajar terhadap kehidupan sosial. Oleh itu, pendidikan akhlak merupakan elemen yang sangat penting untuk dipelajari di sekolah kerana dengan ilmu murid akan mengetahui, memahami dan belajar untuk berfikir terlebih dahulu sebelum bertindak.

Namun begitu, walaupun telah jelas pendidikan akhlak ini mampu mendatangkan pelbagai impak positif dalam diri murid seperti kepentingan yang telah dibahaskan sebelum ini, dilihat bahawa masih terdapat kelompongan dalam sistem pendidikan negara apabila negara saban hari digemparkan dengan pelbagai isu negatif. Pada pandangan saya, antara perkara teras yang perlu dititik beratkan oleh pihak yang berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan pendidikan akhlak berjaya diserapkan dalam jiwa murid adalah mereka perlu memperhalusi semula silibus atau subjek-subjek yang berkaitan dengan

pendidikan akhlak dan membina satu model pendidikan akhlak yang baru bagi mengisi kekurangan yang ada memandangkan masalah sosial dan disiplin murid yang berada di tahap yang amat membimbangkan.

Selain itu, isu lambakan murid dalam sesebuah institusi dan kekurangan tenaga pengajar wajar diberi perhatian yang utama. Bilangan murid yang terlalu ramai dan bilangannya yang melebihi kuota yang ideal dalam sebuah kelas menyukarkan proses penghayatan akhlak disampaikan secara maksimum. Oleh itu, KPM dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) wajar melantik lebih ramai guru di setiap sekolah agar penghayatan terhadap pendidikan akhlak dapat disampaikan dengan lebih sempurna khususnya guru daripada kos seperti Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Walaupun setiap tahun SPP dan KPM membuka permohonan pengambilan guru, namun dilihat bahawa sekolah-sekolah kerajaan masih lagi mengalami isu yang sama iaitu kekurangan bilangan guru dalam sesebuah institusi pendidikan di bawah kelolaan KPM menyebabkan sukaranya seseorang guru itu untuk memberikan tumpuan yang baik kepada murid kerana terpaksa mengambil masa mengajar yang banyak dan muridnya yang ramai menyukarkan guru untuk fokus pada setiap murid.

Di samping itu, antara sebab lain yang menyukarkan pendidikan akhlak disampaikan secara maksimum di peringkat menengah adalah apabila bilangan sekolah menengah kurang berbanding bilangan sekolah rendah menyebabkan lambakan murid dalam sesebuah kelas dan perkara ini amatlah penting diambil perhatian yang utama. Isu lambakan murid berlaku dalam sesebuah institusi pendidikan di sekolah menengah adalah akibat daripada kekurangan bilangan sekolah menengah di sesuatu kawasan. Dengan penambahan bilangan sekolah menengah tidak kira sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah agama mahupun sekolah menengah kebangsaan Cina mahupun Tamil, isu lambakan murid mampu diatasi dengan baik dan murid mampu belajar dalam keadaan selesa dan guru juga mampu menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan. Oleh itu, wajarlah agar bilangan sekolah menengah diperbanyak lagi seperti bilangan sekolah rendah agar pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih baik dan berkesan.

Selain daripada menyelesaikan isu bilangan lambakan murid, kekurangan guru dan kekurangan bilangan sekolah menengah, metode dan pendekatan pengajar pendidikan akhlak yang digunakan di sekolah seharusnya menggunakan kaedah yang mesra dan secara holistik seperti kaedah-kaedah yang mudah mendekati pelajar dan bukan menggunakan kaedah yang menghukum dan menyakitkan. Jika kita lihat kaedah-kaedah yang digunakan oleh kebanyakan unit disiplin di sekolah lebih banyak menggunakan pendekatan menghukum berbanding kaedah mendekati murid. Disebabkan sekolah menggunakan pendekatan menghukum, penghayatan murid dalam menilai dan melihat kesalahan yang dilakukan kurang memberi kesedaran dalam diri mereka. Bahkan terdapat pelajar yang akan memberontak kerana tidak berpuas hati dengan hukuman yang diperoleh. Oleh itu, pendekatan secara berhemah dan lemah lebut perlu diperkenalkan agar murid lebih peka dan sedar akan masalah yang dilakukan.

Dalam menerapkan pendidikan akhlak ini, tanggungjawab penyerapan akhlak mahmudah dalam diri murid bukan hanya terletak di bahu pihak sekolah dan guru semata-mata, namun amatlah wajar agar ibu bapa memainkan peranan yang sebaiknya sejak daripada kecil lagi dan tidak hanya meletakkan sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak kepada pihak sekolah sahaja. Ramai murid berani melakukan kesalahan disiplin disebabkan ibu bapa yang terlalu berharap kepada pihak sekolah untuk mengurus disiplin anak mereka. Seharusnya sejak kecil lagi ibu bapa mendidik dan melatih anak mereka dengan akhlak yang baik agar mereka mampu

membina benteng diri daripada anasir yang buruk. Antara amalan mudah tetapi memberikan kesan yang mendalam yang wajar diamalkan dalam kehidupan sehari-hari murid di rumah adalah seperti menekankan amalan solat berjemaah, memberi semangat untuk mempraktikkan ibadah puasa pada bulan Ramadan, meminta keizinan dan bersalaman sebelum keluar daripada rumah serta menekankan konsep amar maaf nahi mungkar agar murid dapat membendung diri daripada segala unsur negatif dalam kehidupan sehari-hari.

Sekiranya perkara-perkara di atas mampu diatasi dengan baik dan dilaksanakan, tidak mustahil negara kita akan sentiasa dalam keadaan aman dan selamat daripada segala masalah gejala sosial. Semua pihak bertanggungjawab membantu menyelesaikan segala isu sosial agar negara mampu melahirkan generasi yang bijak pandai dan memiliki akhlak dan sahsiah diri yang terpuji.

### **Penghargaan**

Penghargaan diberikan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah dan UiTM Shah Alam.

### **Rujukan**

- Abdullah, Z., & Aziz, A. Y. A. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan: Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 244-255.
- Ahmad, J., & Nasir, N. N. A. M. (2016). AMALAN ‘BUDI BAHASA BUDAYA KITA’MELALUI APLIKASI MEDIA SOSIAL. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14, 167-194.
- Amat, A., Sulaiman, N., Bedu Asis, A. H., & Salleh, N. (2024). Pemupukan Nilai Budaya Bugis dalam kalangan Guru Bugis Membentuk Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis. *PENDETA*, 15(1), 27–38  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.3.2024>
- Astro AWANI, 17 Jun 2023. Polis Tahan Enam Remaja Kerana Bergaduh. Diakses pada 27 Mac 2024: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-enam-remaja-kerana-bergaduh-424337>
- Astro AWANI, 23 Ogos 2023. Menemplak tanggapan: Bukan semua kaum Melayu malas, Cina tamak dan India pemabuk. Diakses pada 01 April 2024:<https://www.astroawani.com/merdeka2014/menemplak-tanggapan-bukan-semua-kaum-melayu-malas-cina-tamak-india-pemabuk-42337>
- Bahar, A. J., & Sham, F. M. (2023). Pendekatan Sabar dalam Pembentukan Akhlak Muslim Pelajar. *e-BANGI Journal*, 20(1).
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Dahaman, R., Rosli, N. S., & Nordin, N. S. (2023). Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman. *Journal on Technical and Vocational Education*, 8(1), 228-245.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). PEMBENTUKAN AKHLAK DAN SAHSIAH PELAJAR MELALUI PEMBELAJARAN SOSIAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM. *e-BANGI Journal*, 17(9), 75-89.
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45.  
<https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.17>

- Efendi, D. (2019). Proses pembentukan aqidah dan akhlak pada siswa sekolah dasar di kota Jayapura. *Al-Adzka: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 9(1), 9-20.
- Firman Shakti Firdaus. (2018). Pembentukan Model dan Pembinaan Instrumen Sistem Pengurusan Kualiti Islam. Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali, S. N., Yusof, A., Sarudin, A., & Ismail, M. S. (2023). KESANTUNAN BERBAHASA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MENERUSI MEDIA SOSIAL. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 21(2), 1-33.
- Hamad, A. M. B., Kamarazman, N. F. B., & Hassan, S. N. B. S. (2023). Konsep Ukhwah Islamiyah dan Kepentingannya kepada Umat berdasarkan Al-Quran.
- Hassan, W. S. F. A. W., & Zailani, S. (2019). Strategi dan panduan kesantunan bahasa menurut perspektif Islam. *Islamiyyat*, 41(1), 117-124.
- Hie, Y. H., Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., Awang, M. D., & Ab Halim, A. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. *Akademika*, 88(2), 95-108.
- Imam Nawawi. (2015). Kitab Himpunan Hadis Matan al-Arbain An-Nawawi, Publishing House.
- Ismail, N., Azizan, N. I., & Zin, S. M. M. (2021). PERANAN GURU DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR PENGAJIAN TURATH: KAJIAN DI SELANGOR. *Al-Hikmah*, 13(1), 43-71.
- Lubis, M. A., bin Kamis, M. S., MPd, Z., Usiono, M. A., Yusnaldi, E., Taib, S. H., & Ikwan Lubis SE, M. M. (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)*, eISSN2600-769X, 4(1), 75-91.
- Mastura binti Mohd Zain. (2016). Kepentingan Ukhwah Umat Islam, Utusan Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Munawaroh, R. (2018). Konsep Ta'aruf dalam Perspektif Pendidikan Islam (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Musa, N. A., Ahmad, N. A., & Othman, M. S. (2022). Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 109-134.
- Ramli, R. (2019). Emosi dan Ekspresi Budi Bahasa Remaja dalam Interaksi atas Talian. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 231-240.
- Saporito, S. & Riper, D.V. (2016). Do Irregularly Shaped School Attendance Zones Contribute to Racial Segregation or Integration? Southern Sociological Society 3(1): 64-83.
- Shahrudin, W. S. W., & Zubir, Z. (2020). Perpaduan Dalam Membentuk Keamanan Umat Islam Di Malaysia. 29-30.
- Suhid, A. (2017). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi (Strengthening Moral Component In Islamic Education In Facing The Era Of Globalization). *Jurnal Kemanusiaan*, 3(2).
- Tamuri, A. H., & Ismail, A. M. (2021). Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 87-111.
- Utusan Malaysia. (2023). Media sosial punca akhlak remaja rosak. Diakses pada 4 Feb 2024: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/12/media-sosial-punca-akhlak-remaja-rosak/>
- Zabidi, A. Z. M., & Abdullah, W. N. W. (2021). Faktor Persekutaran Sosial Dalam Pembentukan Jati Diri HAMKA (1908-1981) Menurut Autobiografi Kenang-Kenangan Hidup (1951). *Al-Hikmah*, 13(1), 72-96.

- Zamihan Mat Zin al-Ghari. (2021). Wajib Berakhlak Mulia. Metro Harian. Diakses pada 13 Dis 2023: [https://www.hmetro.com.my/addin/2021/03/680369/wajib-berakhlak-mulia#google\\_vignette](https://www.hmetro.com.my/addin/2021/03/680369/wajib-berakhlak-mulia#google_vignette)
- Zulkeflee Yaacob. (2020). Bahasa dan linguistik Melayu. Bunga Melayu Solutions.